



KENYATAAN MEDIA PENGUMUMAN PEMBAYARAN BANTUAN SARA HIDUP

Bismillahi-Rahmani-Rahim

Assalamualaikum WBT, Salam Ramadan & Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, Kerajaan telah meluluskan dan menyalurkan pembiayaan bantuan sara hidup peserta FELCRA baru-baru ini berjumlah RM73,476,246.00 yang merupakan bayaran tunggakan bagi tempoh Ogos 2018 hingga Disember 2019. Justeru, saya dengan ini memaklumkan bahawa pengurusan akan membuat bayaran Bantuan Sara Hidup berjumlah RM44,399,970.05 iaitu bagi tempoh Ogos 2018 hingga Mei 2019 kepada 17,161 orang peserta FELCRA dari kalangan B40.

Kerajaan sangat prihatin akan nasib peserta FELCRA dari kalangan B40 ini, dan untuk itu telah meluluskan bayaran bantuan sara hidup ini terutama ketika peserta berhadapan dengan situasi tanam semula sahaja, kerana di dalam tempoh ini, ladang-ladang mereka masih belum mengeluarkan hasil.

Bantuan Sara Hidup FELCRA adalah merupakan skim pendahuluan kewangan kepada peserta-peserta yang terlibat dengan tanam semula. Bantuan yang diberikan adalah pada kadar RM70.00 seekar. Tempoh bayaran pendahuluan ini diberikan adalah selama 4 tahun bagi tanaman sawit dan 6 tahun bagi getah iaitu sehingga ladang-ladang berkenaan berhasil.

Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan seluruh warga peserta FELCRA mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri yang sangat prihatin membela nasib warga peserta FELCRA khususnya kepada mereka dari kalangan B40. Jutaan terima kasih turut dirakamkan kepada YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan YB Menteri Kewangan serta semua pegawai yang terlibat secara langsung di dalam memudahcarakan penyaluran segera bayaran sara hidup ini. Sesungguhnya, komitmen padu daripada Kerajaan ini telah memberi ruang kepada warga peserta menambah kegembiraan dan kesyukuran sempena menyambut Syawal yang mulia ini.

Sekian, Terima Kasih.

MOHD NAZRUL IZAM MANSOR

Ketua Pegawai Eksekutif

29 Mei 2019